

11 FEB 1999
G15-Mahathir

HATI-HATI DENGAN BAHAYA DUNIA UNIPOLAR, KATA MAHATHIR

MONTEGO BAY, Jamaica, 11 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi mengingatkan negara-negara membangun mengenai bahaya dunia unipolar apabila semua perkara yang dilakukan atas nama kapitalisme mesti diterima kerana takut dilabelkan sebagai golongan yang menyeleweng.

Katanya, kekalahan Komunisme dan Sosialisme bermakna hanya satu fahaman politik dan ekonomi dibenarkan, tidak seperti era Perang Dingin apabila kapitalisme telah memperbaiki fahaman mereka agar lebih diterima.

"Hari ini, kapitalisme tidak lagi perlu banyak bersaing untuk diterima. Hasilnya, aspek paling teruk sistem itu telah didedahkan.

"Apa sahaja yang dibuat atas nama kapitalisme mesti diterima kerana takut dilabelkan sebagai menyeleweng," katanya semasa berucap pada upacara pembukaan sidang kemuncak kesembilan G-15, kumpulan 17 negara membangun di sini pada Rabu.

Beliau berucap bagi pihak anggota dari Asia dalam kumpulan berusia sembilan tahun itu yang terdiri daripada Argentina, Brazil, Chile, Mexico, Peru, Venezuela, Jamaica, Algeria, Mesir, Kenya, Nigeria, Senegal, Zimbabwe, India, Indonesia, Malaysia dan Sri Lanka.

Disambut dengan tepukan gemuruh daripada anggota perwakilan, Dr Mahathir berkata negara membangun menyambut baik berakhirnya Perang Dingin. Malangnya mereka dapati kehilangan peluang untuk berpaling ke pihak yang satu lagi, telah menghalang mereka daripada mendapat sedikit kelebihan untuk mempertahankan diri mereka.

Sambil menegaskan bahawa beliau dan Malaysia lebih suka mengambil risiko menghadapi tindakan dengan menyuarakan pendapatnya, memberitahu para perwakilan bahawa mereka sedang menyaksikan "aspek paling teruk" daripada fahaman "kapitalisme baru" hari ini.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri nampaknya pergi lebih jauh daripada persoalan spekulatif modal jangka pendek, dan sebaliknya menumpukan kepada akar umbi penyebab sebenar kepada masalah kewangan dunia sekarang.

Di Asia Timur, kata beliau, mereka mempunyai pengalaman kapitalisme baru menerusi aliran modal bebas yang telah memasuki sempadan mereka dan mereka telah mengalu-alukannya bagi menggalakkan pertumbuhan mereka.

"Kami masih berbuat demikian tetapi kini kami sedar keburukannya kepada ekonomi kami apabila modal itu tiba-tiba dibawa keluar. Daripada sebuah ekonomi yang cemerlang, kami kini bertukar menjadi negara yang miskin.

"Harimau Asia yang unggul kini tiada lagi. Dengan kedudukan yang terpaksa merayu dan meminta, mereka hanyalah bayangan kepada keadaan mereka sebelumnya.

"Rakyat mereka kebuluran, mengganas dan merompak. Kerajaan mereka dijatuhkan dan sistem politik mereka terlalu lemah, menyebabkan mereka tidak dapat mentadbir secara berkesan. Mereka terpaksa menerima arahan orang luar mengenai hal ehwal dalaman mereka," katanya.

Begitupun, kata Dr Mahathir, serangan terhadap mereka masih belum berakhir.

"Sama ada dirancang atau tidak, kemiskinan mereka telah mendedahkan mereka kepada bahaya kehilangan kemerdekaan mereka pula," katanya.

Perdana Menteri menarik perhatian bahawa satu syarat bagi negara-negara bermasalah itu mendapatkan bantaun daripada institusi-institusi seperti Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) adalah dengan membuka ekonomi mereka kepada kemasukan perniagaan asing tanpa had.

"Mereka mungkin tidak dapat melindungi bank dan industri tempatan mereka. Semua ini mungkin diambil alih atau ditepis oleh gergasi asing," katanya.

Katanya, jika perbadanan asing seperti bank dan industri tidak cukup besar, mereka akan bergabung dan muncul sebagai entiti "gergasi", setiap satunya lebih besar daripada negara-negara membangun itu sendiri.

Dengan kemasukan gergasi itu, rakan kongsi tempatan mereka akan mati kerana sukar bernafas.

Dr Mahathir berkata beliau tidak pasti jika mereka memang berhasrat untuk campur tangan dalam politik tempatan tetapi dalam negara-negara Republik Pisang, pengurus ladang pisang mendapat lebih kuasa daripada presiden negara berkenaan.

"Godaan untuk campur tangan dalam politik tempatan terlalu besar bagi gergasi asing untuk menolaknya," katanya.

Dr Mahathir berkata kuasa hari ini bukan sahaja menjadikan mereka yang memilikinya korup, tetapi ia juga mesti bebas daripada sebarang cabaran.

"Jika seseorang itu berani mengkritik mereka yang ada kuasa, akibatnya amat menyakitkan bagi si pengkritik itu," katanya.

Antara senjata yang digunakan terhadap pengkritik ialah media. "Jika seseorang mengkritik tindakan mereka yang berkuasa, media akan menghancurkan pengkritik itu dan menyebabkannya hilang kredibiliti."

Dengan menyedari bahawa 17 anggota G-15 itu disatukan untuk mempertingkatkan apa sahaja kekuatan yang ada pada mereka dan menggunakannya bagi membolehkan mereka terus hidup, Dr Mahathir berkata beliau harus katakan bahawa bagi semua itu, mereka tidak begitu berjaya.

Selain itu, negara-negara yang kaya dan berkuasa sedang bergabung, menubuhkan kerajaan campuran politik dan ekonomi yang lebih bersatu dan berkuasa.

"Mereka berjumpa, mereka merancang dan mereka melaksanakan strategi yang memberi kesan kepada dunia.

"Yang jelas jika kita mahu melindungi masa depan kita kita perlu sedar mengenai kuasa di sekeliling kita, perlu berunding sesama kita lebih kerap dan mempunyai pendirian yang sama terhadap kebanyakan isu," kata beliau.

Dr Mahathir berkata beliau mungkin telah memberikan gambaran yang amat buruk mengenai masa depan.

"Mungkin saya terlalu pesimistik. Mungkin saya terlalu membesar-besarkan cerita. Saya pernah silap sebelum ini dan saya mungkin silap sekali lagi.

"Tetapi saya juga pernah betul banyak kali dan mungkin juga saya betul kali ini, jika tidak sepenuhnya, sekurang-kurangnya separuh.

"Dan jika saya separuh betul, ia tetap tidak baik bagi kita dalam dunia membangun. Kita akan dapati kemerdekaan yang baru kita kecapai akan terhapus," katanya.

Dr Mahathir memberitahu perhimpunan itu bahawa Malaysia mengambil masa empat abad untuk membebaskan dirinya dan telah merdeka selama 41 tahun, dan Malaysia tidak sanggup kehilangan kemerdekaan itu.

Dr Mahathir berkata sebagai anggota G-15, beliau merasakan perlu melaungkan amaran itu walaupun beliau tahu beliau akan dicemuhi "tetapi ini harga yang perlu saya bayar".

"Dunia mungkin tidak menyaksikan pertembungan peradaban tetapi keadaan tidak seimbang antara yang lemah dan yang kuat akan menyebabkannya terus diangap sebagai betul."

Katanya beliau tidak minta dipercayai tetapi beliau menghargai peluang untuk bercakap di depan perhimpunan pemimpin-pemimpin negara-negara membangun berpendapatan sederhana itu.

Katanya, semasa beliau menyelar peniaga mata wang pada tahap serangan paling teruk ke atas negara-negara Asia Timur, beliau telah dihukum dengan

nilai mata wang negaranya dijatuhkan lebih teruk.

Beliau berkata, beliau telah diminta berhenti daripada melakukannya tetapi beliau enggan dan mata wang, pasaran saham serta imej Malaysia telah terjejas.

Dr Mahathir berkata apa yang beliau katakan hari ini mungkin mengundang tindakan lain yang lebih membebankan.

"Ini adalah risiko yang perlu saya ambil. Ini adalah risiko yang negara saya perlu ambil. Tetapi saya perlu perkatakan apa yang perlu saya perkatakan," kata beliau.

-- BERNAMA

KGO RHM